

Wujudkan sistem amaran awal banjir

SETIAP tahun, musim tengkujuh akan melanda negeri di Pantai Timur semenanjung sekitar bulan Oktober hingga Disember. Banjir yang berlaku pada akhir tahun lalu ternyata berbeza kerana ia melibatkan bilangan mangsa melebihi 200,000 orang dan lebih 2,000 rumah musnah.

Ahli Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Moin Che Umar

berpendapat, latihan kecemasan dan penggera amaran seperti sistem amaran awal tsunami wajar diwujudkan untuk bencana banjir.

“Dengan adanya sistem penggera

ini, rakyat lebih bersedia dalam menghadapi banjir memandangkan ramai yang tidak bersedia dengan bah kuning yang melanda tahun lalu.

“Orang ramai tidak ambil serius dengan laporan berita yang disiarkan melalui media massa mengenai banjir. Jadi, pemberian amaran berkala dan berita terkini perlu ada bagi memastikan mereka tahu bahawa bencana yang berlaku benar-benar serius,” katanya dalam satu forum yang diadakan di UKM baru-baru ini.

Selain itu jelasnya, komplementari antara mangsa banjir dan pasukan penyelamat adalah penting.

“Mangsa perlu berpindah apabila diarahkan oleh pasukan penyelamat. Keengganan untuk berpindah akan menyukarkan operasi menyelamat apabila keadaan bertambah buruk,” ujarnya.

Pakar Klimatologi dan Oseanografi Fakulti Sains dan Teknologi UKM, Profesor Dr. Fredolin

Tanggap pula berkata, bah kuning yang melanda Kelantan khususnya terjadi akibat beberapa faktor seperti pemanasan global, penebangan hutan secara berleluasa dan kekurangan penguatkuasaan.

“Fenomena banjir sudah biasa berlaku di negara ini, namun faktor-faktor tambahan boleh menjadikan

ia bertambah buruk. “Hujan luar biasa yang melanda Kelantan dalam tempoh tiga hingga empat hari pada tahun lalu disebabkan unsur iklim tropika, Madden-Julian Oscillation (MJO) yang berasal dari Lautan Hindi dan melalui negara ini empat kali setahun.

MJO ialah elemen dalam keragaman iklim tropika yang berlaku sekali antara 20 hingga 60 hari setahun.

“Apabila MJO tiba pada musim tengkujuh Timur Laut yang melanda semenanjung pada akhir tahun lalu ia telah menyebabkan hujan yang luar biasa seterusnya mengakibatkan banjir besar tersebut berlaku,” terangnya.



FREDOLIN



MOIN